



PEMBACAAN al-Quran dengan pelbagai Qiraat menjadikan al-Quran tersebar dengan cepat di seluruh pelosok dunia. - Gambar hiasan

Sanad Riwayat Hafs adalah secara langsung dan bersambung daripada beliau hingga kepada Rasulullah SAW tanpa wasitah atau perantaraan sebagaimana beberapa riwayat lain seperti Qunbul, al-Bazzi, Khalaf dan Khallad

Sanad Riwayat Hafs

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

Bicara Qiraat

PERBEZAAN bacaan al-Quran dalam Qiraat Tujuh atau Qiraat Sepuluh adalah untuk menyempurnakan lagi makna al-Quran. Tidak ada satupun kalimah yang dibaca dengan beberapa qiraat mempunyai pertentangan makna.

Selain itu, banyak juga kalimah al-Quran yang hanya berbeza dari sudut sebutannya sahaja, seperti *imalah*, *taqlil*, *tashil* dan *tahqiq*.

Hakikatnya ilmu qiraat telah memberi kemudahan kepada umat nabi Muhammad SAW yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan bahasa pertuturan untuk membaca al-Quran.

Keizinan membaca al-Quran dengan pelbagai qiraat menjadikan al-Quran tersebar dengan cepat di seluruh pelosok dunia.

Riwayat bacaan al-Quran yang tersohor dalam dunia Islam hari ini ialah Riwayat Hafs daripada Imam Asim.

Majoriti umat Islam membacanya dan kebanyakan al-Quran dicetak mengikut riwayatnya.

Bagaimanapun timbul persoalan kenapakah Riwayat Hafs amat popular di kalangan umat Islam berbanding dengan riwayat lain seperti Khalaf, Khallad, al-Susi dan lain-lain.

Dalam satu seminar al-Quran, penulis pernah bertanyakan hal ini kepada tokoh al-Quran iaitu Sheikh Husien al-Sabbah yang pernah berkhidmat di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Sheikh Husien al-Sabbah menjawab, faktor tersebarnya Riwayat Hafs dalam

Susur galur Sanad Imam Hafs

Rasulullah SAW wafat pada tahun 10 hijrah

Ali Ibn Abi Talib r.a meninggal dunia pada tahun 40 hijrah

Abu AbdulRahman al-Sulami meninggal dunia pada tahun 74 hijrah

Imam Asim Abu al-Najud meninggal dunia pada tahun 127 hijrah

Imam Hafs meninggal dunia pada tahun 180 hijrah.

dunia Islam pada hari ini kerana tiga sebab utama.

A) Khilaf bacaan yang terdapat dalam riwayat ini amat sedikit berbanding riwayat lain. Terdapat hanya satu *imalah* sahaja iaitu dalam surah Hud, satu *tashil* sahaja iaitu dalam surah Fussilat, satu *raum* atau *isyam* sahaja iaitu dalam surah Yusuf, empat tempat *saktah* iaitu dalam surah al-Kahf, Yasin, al-Haqqah dan al-Mutaffifin. Dan beberapa khilaf yang lain.

B) Sanad Riwayat Hafs adalah secara langsung dan bersambung daripada beliau hingga kepada Rasulullah SAW tanpa *wasitah* atau perantaraan sebagaimana beberapa riwayat lain seperti Qunbul, al-Bazzi, Khalaf dan Khallad.

Dengan maksud Imam Hafs bertalaqqi dan mempelajari al-Quran dari Imam Asim. Imam Asim pula bertalaqqi dari gurunya Abu Abdulrahman al-Sulami yang menekuni bacaan al-Quran daripada gurunya Ali Ibn Abi Talib r.a yang mengambil al-Quran daripada Rasulullah SAW.

C) Semua pembawa sanad Riwayat Hafs adalah ulama al-Quran yang tersohor dan amat dipercayai pada zaman mereka.

Ali Ibn Abi Talib, umum mengakui kealimannya dan ketokohnya yang tiada tolak bandingnya.

Sementara Abu Abdulrahman al-Sulami yang meninggal pada tahun 74 hijrah adalah orang kepercayaan Uthman Ibn Affan r.a yang mengutusinya bersarna mushaf kepada penduduk Kufah.

Walaupun beliau adalah seorang yang cacat penglihatan, namun beliau menguasai ilmu yang banyak dan tempat rujukan utama penduduk Kufah berkaitan al-Quran.

Selepas Abu Abdulrahman al-Sulami meninggal, ulama yang menggantikannya sebagai rujukan penduduk Kufah ialah Imam Asim Abu al-Najud. Seorang yang tinggi akhlak dan ilmu al-Quran.

Al-Quran berada dalam dadanya ibarat seperti darah yang mengalir di tubuhnya. Atau ibarat yang selalu dikatakan oleh penghafal al-Quran, cair seperti air.

Walaupun khilaf dalam riwayat Hafs adalah sedikit namun masih ramai umat Islam membacanya tidak mengikut kaedah yang betul. Justeru dapat kan tunjuk ajar dari guru bagi mencapai satu bacaan yang tepat.